



Pelajar UMS memakai pakaian tradisi suku kaum di puncak Gunung Kinabalu.

## Mahasiswa UMS peraga pakaian tradisi di puncak Gunung Kinabalu

D5 05/10/2012 3

KOTA KINABALU: Dua puluh jenis pakaian tradisi suku kaum di negara ini diperagakan 24 pelajar dan enam petugas Universiti Malaysia Sabah (UMS), di puncak Gunung Kinabalu baru-baru ini.

Acara itu yang turut diisi dengan aktiviti menyumpit, dianjurkan oleh Bahagian Kebudayaan dan Kesenian, Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEP) dan dikendalikan sepenuhnya oleh kelab UMS Cul'Art.

Antara pakaian tradisional yang diperagakan di puncak gunung tertinggi di Asia Tenggara itu ialah pakaian tradisi suku kaum Kadazan, Murut, Dusun, Bajau, Suluk, Melayu, Brunei, Cina, India serta beberapa pakaian tradisi daripada suku etnik yang lain.

Ketua Bahagian Kebudayaan dan Kesenian, Alan James berkata bagi memastikan kejayaan program itu, siswa-siswi dan petugas HEP yang terlibat mengadakan latihan kecergasan bagi mempersiapkan fizikal dan mental sebelum berjaya menempuh cabaran ke puncak gunung itu.

Program 1Malaysia di Puncak Gunung

Kinabalu yang bertemakan 'Knows Your Origin' antara lain bertujuan menyampaikan mesej kepada masyarakat untuk mengetahui dan menyemai rasa cinta terhadap pakaian tradisi suku kaum masing-masing, katanya dalam satu kenyataan di sini, Selasa.

Alan berkata konsep 1Malaysia turut ditekankan untuk memberi kesedaran mengenai perpaduan yang utuh di sebalik kepelbagaiannya kaum yang ada di negara ini.

"Pemakaian beraneka jenis baju tradisional membawa maksud kepada kepelbagaiannya kaum yang mampu bersatu dalam satu negara. Aneka jenis corak dan warna pada pakaian tradisi pula melambangkan keunikan, keindahan dan keharmonian masyarakat majmuk di Malaysia."

"Kejayaan mencapai objektif program untuk memartabat pakaian tradisional khususnya pakaian etnik-ethnik di Sabah juga dilihat mampu menimbulkan kesedaran umum tentang peri pentingnya menghargai budaya dan seni tempatan," kata Alan yang juga pencetus idea kepada pengajuran program itu. - Bernama